



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 18 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK BERITAN AHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI SALUR PULUHAN JUTA RINGGIT KEPADA SEKTOR PERTANIAN TERJEJAS BENCANA ALAM, BERNAMEA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PASAR TANI AGROPELANCONGAN BAKAL DIPERLUASKAN SELURUH TERENGGANU, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PASAR TANI BERKONSEPKAN LESTARI, PINTAR AKAN DIPERLUAS KE SELURUH PAHANG, THE SUN -ONLINE	
4.	COSAFS2022: PLATFORM PERBINCANGAN ISU PERTANIAN MAMPAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



AM

## MAFI salur puluhan juta ringgit kepada sektor pertanian terjejas bencana alam



© Bernama/Photo by Bernama/Ministry of Agriculture, Food and Rural Affairs, Kuala Lumpur, 18/09/2022 (Bernama/Photo by Bernama)

18/09/2022 02:49 PM

BELURAN, 18 Sept (Bernama) – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyalurkan puluhan juta ringgit dalam bentuk bantuan tunai dan peralatan kepada sektor pertanian yang terkesan bencana alam termasuk banjir, setiap tahun.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata kementerian sentiasa mengambil tindakan bagi mengurangkan impak terhadap tanaman dan ternakan menerusi jabatan dan agensi di bawah MAFI yang sentiasa bersedia siaga, terutama dalam menghadapi banjir pada setiap penghujung tahun.

"Walaupun bencana seperti banjir sentiasa berlaku, tetapi magnitudnya berbeza. Contohnya pada tahun lepas, tahap banjir di seluruh negara agak kritikal dan memberi impak kepada sektor agromakanan.



"Tahun ini juga tidak banyak bezanya dan kita sentiasa siap siaga agar impaknya dapat dikurangkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di sini hari ini.

Ronald berkata masyarakat nelayan, petani, peladang dan penternak merupakan komuniti penting yang harus dijaga oleh kerajaan sejajar Dasar Agromakanan Negara demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Mengenai Program Semarak Tani Keluarga Malaysia, beliau berkata program itu merupakan rangkuman produk di bawah MAFI bertujuan membantu memperkasa komuniti agromakanan luar bandar, selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.



"Program ini ialah usaha MAFI bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas secara langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan melalui kementerian, serta memberikan jaminan terhadap komitmen dan usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka," katanya.

Pada program itu, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyaksikan sesi penyerahan Pasar Tani Beluran baharu yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kos RM746,000 kepada Majlis Daerah Beluran.


Beliau turut mengumumkan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan yang merupakan PNK ke-15 di Sabah, serta proses penubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Telupid, yang kini dalam peringkat akhir.

Selain itu, beliau menyerahkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) Laut secara tunai berjumlah RM193,275.80 kepada 650 nelayan laut Beluran.

Beliau memaklumkan nilai bayaran ESHN Laut bagi seluruh Sabah bagi tahun ini berjumlah RM22,013,900 yang memanfaatkan 7,671 nelayan laut.

Program dua hari sejak semalam itu berjaya mengutip nilai jualan berjumlah kira-kira RM175,000 melibatkan 184 usahawan, dengan 21,000 pengunjung.

- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Pasar Tani Agropelancongan bakal diperluaskan ke seluruh Terengganu



Azman beramah mesra dengan usahawan di Pasar Tani Agropelancongan, semalam. - NSTP//BAHAROM BAKAR

KUALA NERUS: Kerajaan Terengganu dengan kerjasama pelbagai agensi bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) bakal memperluaskan Pasar Tani Agropelancongan ke seluruh negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar

Terengganu, Dr Azman Ibrahim, berkata Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diminta mengadakan pasar tani itu di setiap zon negeri ini.

Beliau berkata, langkah itu bukan saja akan memberi manfaat kepada penduduk dan pelancong tetapi juga dapat membantu menambah pendapatan usahawan pelbagai produk berasaskan pertanian dan pelancongan meliputi kraf tangan.

"Usahawan yang menyertai projek percubaan pasar tani ini berjaya memperoleh jualan mencecah RM336,000 dalam tempoh lima minggu sejak dibuka pada 13 Ogos lalu," katanya kepada media selepas merasmikan Pasar Tani Agropelancongan di kawasan lapang Jambatan Angkat Kuala Terengganu, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Dr Anun Man; dan Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh.

Seramai 102 usahawan pelbagai produk berasaskan pertanian dan pelancongan seperti kraf tangan, menyertai Pasar Tani Agropelancongan itu yang merupakan penganjuran pertama di Malaysia.

Mengulas lanjut, Azman memaklumkan, Pasar Tani Agropelancongan dibuka setiap hujung minggu dari jam 4 petang hingga 10 malam.

"Selain membolehkan usahawan memasarkan secara terus produk berasaskan pertanian kepada pengguna, pasar tani ini juga memberi peluang sama kepada usahawan bidang pelancongan, termasuk untuk kraf tangan yang dihasilkan mereka," katanya.

Home

# Pasar Tani berkonsepkan lestari, pintar akan diperluas ke seluruh Pahang

09-18-2022 02:10 PM



BERNAMAPix

Shell  
**RIMULA**



**THE RIGHT SYNTHETIC OIL FOR YOUR FLEET**

**Meg Ryan Is Probably The Most Beautiful 59 Year Old Woman**

WTFacts | Sponsored

[Read Next Story >](#)

Exco Kerajaan Tempatan dan Perumahan Pahang Datuk Abd Rahim Muda berkata langkah itu antara lain sebagai usaha memelihara alam sekitar apabila peniaga digalakkan menggunakan pembungkus mudah urai dan mengamalkan konsep kitar semula.

ADVERTISEMENT

Selain tunai, menurut beliau pasar tani pintar itu juga menawarkan pembayaran menerusi aplikasi Kod QR dan e-dompot sekali gus mendedahkan peserta dengan perniagaan digital.

"Pasar tani UTC ini juga tidak lagi menggunakan generator untuk bekalan elektrik sebaliknya menggunakan solar yang dilihat dapat mengurangkan pencemaran bunyi. Selain pasar tani, kita akan cadangkan supaya pasar malam juga melaksanakan inisiatif lestari dan pintar ini.

"Saya akan adakan mesyuarat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) pada minggu depan dan cadangan ini akan dimaklumkan kepada PBT, dengan itu kita menjangkakan tahun depan lebih banyak pasar tani dan pasar malam mengamalkan konsep sebegini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pasar Tani Lestari Pintar, di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang Saiful Safri berkata kira-kira 240 peserta pasar tani UTC yang beroperasi pada setiap Ahad bermula pukul 7 pagi hingga 1 tengah hari itu telah menawarkan bayaran tanpa tunai kepada pelanggan mereka.

"Inisiatif itu akan dikembangkan kepada lebih 20 pasar tani di negeri ini kelak dan kami berharap program lestari dan pintar yang dimulakan di sini menjadi contoh serta ikutan kepada pasar tani di negeri lain," katanya.

Dalam pada itu, FAMA dalam kenyataan memaklumkan nilai jualan pasar tani melibatkan 1,200 peserta di Pahang sehingga Ogos merekodkan RM8 juta sekali gus menghampiri sasaran tahun ini iaitu RM10 juta. -*Bernama*

ADVERTISEMENT



Shell  
**RIMULA**



**THE RIGHT SYNTHETIC  
OIL FOR YOUR FLEET**

---

**Meg Ryan Is Probably The Most Beautiful 59 Year  
Old Woman**  
WTFacts | Sponsored

[Read Next Story >](#)

18 SEP, 2022

## COSAFS2022: Platform perbincangan isu pertanian mampan dan keterjaminan makanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



### COSAFS2022: Platform perbincangan isu pertanian mampan dan keterjaminan makanan

FAKULTI Sains Pertanian dan Perhutanan (FSPH) dan Institut Ekosistem Sains Borneo (IEB), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dengan kerjasama Kementerian Penedanaan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) akan menginjurkan Congress on Sustainable Agriculture and Food Security (COSAFS2022).

Kongres ini bakal berlangsung dari 21 hingga 24 September ini di The Waterfront Hotel Kuching.

COSAFS2022 dianjurkan sebagai platform untuk menambah baik teknik pertanian mampan, inovasi dan teknologi, sistem makanan masyarakat, dasar makanan nasional dan antarabangsa, serta mempromosikan program yang menggalakkan pertanian mampan dan keterjaminan makanan.

Selain itu, COSAFS2022 turut membuka ruang kepada pengeluar, saintis penyelidik, pengguna, organisasi, institusi, badan korporat dan komuniti untuk mengukuhkan kerjasama ke arah mencapai pertanian mampan di samping menyokong matlamat kerajaan Sarawak menjadi pengeksport makanan menjelang tahun 2030.

COSAFS2022 merupakan penaut kepada tiga persidangan antarabangsa yang berlangsung secara serentak iaitu International Scientific Conference on Indigenous Crops 2022 (ISCIC2022), International

Conference on Fisheries and Animal Sciences 2022 (FISAS2022), dan International Conference on Food and Industrial Crops 2022 (ICFIC2022).

ISCIC2022, yang merupakan edisi kedua sejak penampilan sulungnya pada 2018 akan menumpukan kepada pengiktirafan, potensi, dan aspek pengeluaran mampan bagi tanaman asal.

FISAS2022 pula akan memfokuskan kepada isu-isu yang signifikan dalam sektor perikanan dan penternakan mampan dengan memberi tumpuan kepada aspek pengeluaran, penyelidikan dan pemuliharaan.

Manakala ICFIC2022 akan memberi tumpuan kepada aspek pengeluaran tanaman makanan dan perindustrian yang mampan di peringkat nasional dan antarabangsa, serta aspek-aspek berkaitan bahan berasaskan bio dan berorientasikan tanaman.

Kongres ini menyasarkan penyertaan lebih daripada 300 peserta dalam kalangan ahli akademik, saintis penyelidik, penggabai dasar, pegawai dari sektor awam dan swasta dengan syarahan ucap utama, pembentangan lisan dan poster yang mengetengahkan penyelesaian dan cadangan dalam aspek terkait bidang pertanian dan keterjaminan makanan.

Kongres ini akan dirasmikan oleh Premier Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Johari Tun Openg.



18 SEP, 2022

## COSAFS2022: Platform perbincangan isu pertanian mampan dan keterjaminan makanan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

FAKULTI Sains Pertanian dan Perhutanan (FSPH) dan Institut Ekosistem Sains Borneo (IEB), Universiti Putra Malaysia Kampu Bintulu Sarawak (UPMKB) dengan kerjasama Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) akan menganjurkan Congress on Sustainable Agriculture and Food Security (COSAFS2022). Kongres ini bakal berlangsung dari 21 hingga 24 September ini di The Waterfront Hotel Kuching.